PEMAHAMAN [021] **Satu jam lima belas minit**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **dua** *bahagian*: **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.
2. *Kamu dikehendaki menjawab* **semua** *soalan dalam kedua-dua bahagian ini.*
3. *Bagi* **Bahagian A**, *setiap soalan diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C**, *dan* **D**. *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja.*
4. *Bagi* **Bahagian B**, *jawab* **semua** *soalan dalam ruang jawapan yang disediakan.*

Bahagian A
[20 *markah*]

Soalan 1 hingga 9
Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

1 "Bolehkah _____ membantu saya menyusun kerusi dan meja ini?" tanya Haris kepada Jun Hao dan Siva.
A dia
B kamu
C beliau
D kalian

TIP
Cara menjawab soalan
Teliti penggunaan kata ganti nama diri yang paling sesuai berdasarkan konteks ayat yang diberikan.


2 Syiqa _____ komputer riba kakaknya untuk melayari Internet.
A berguna
B digunakan
C penggunaan
D menggunakan

3 Sungai akan tercemar _____ hidupan akuatik akan pupus _____ sisa-sisa toksik dibuang ke dalam sungai.
A dan ... jika
B serta ... ketika
C dengan ... serta
D sekiranya ... lalu

4 Encik Lian Yi menghadiahi Chung Fat se_____ jam tangan pintar.
A utas
B laras
C bilah
D pasang

LIVEWORKSHEETS

Soalan 5 *berdasarkan gambar di bawah ini.*




5 Ayah menggantung jam yang berbentuk _____ itu pada dinding rumah.

A tirus
B leper
C bulat
D segi tiga

6 Aris menunggang basikalnya dengan _____ kerana dia sudah terlambat untuk pergi ke sekolah.

A terliang-liuk
B tergopoh-gapah
C terkontang-kanting
D terumbang-ambing

Soalan 7 *berdasarkan gambar di bawah ini.*



7 Encik Amjad _____ sisa pepejal itu mengikut kumpulannya.

A mengelakkan
B menggunakan
C mengasingkan
D mengurangkan

8 Fakri mengikut ayahnya pergi ke _____ untuk mendaftarkan kelahiran adiknya.

A pejabat pos
B pejabat tanah
C pejabat buruh
D pejabat pendaftaran

9 Laksamana Bahrin masuk menghadap Sultan Zainal Shah yang sedang _____ di atas singgahsana itu.

A beradu
B bersantap
C berangkat
D bersemayam

LIVEWORKSHEETS

10 Laila berasa gembira kerana ibunya memberikan wang sebanyak RM20 kepadanya sedangkan dia meminta RM10 sahaja.

Peribahasa *yang sesuai dengan pernyataan di atas ialah*

A pucuk dicita, ulam mendatang.
B buang yang keruh, ambil yang jernih.
C biar berputih tulang, jangan berputih mata.
D masuk telinga kanan, keluar melalui telinga kiri.

11 Aiman menggemari laksa yang dijual di gerai Mak Ani itu.

Pilih perkataan **sinonim** *bagi* menggemari.

A merasai
B menyukai
C menikmati
D mengalami

12 Fatah menyentuh permukaan labu sayong yang licin itu.

Pilih perkataan **antonim** *bagi* licin.

A halus
B kesat
C tajam
D suram

13 *Pilih* **ayat tanya** *yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.*

Mesin ini digunakan untuk urusan pemulangan buku di perpustakaan.

A Berapakah harga mesin ini?
B Apakah kegunaan mesin ini?
C Di manakah mesin ini akan diletakkan?
D Adakah mesin ini digunakan untuk urusan pemulangan buku?

14 *Pilih ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

Anggota polis telah menangkap dua orang lelaki yang melakukan pembalakan haram.

A Dua orang anggota polis yang melakukan pembalakan haram telah ditangkap oleh seorang lelaki.
B Dua orang lelaki yang melakukan pembalakan haram telah menangkap anggota polis.
C Dua orang anggota polis telah menangkap seorang lelaki yang melakukan pembalakan haram.
D Dua orang lelaki yang melakukan pembalakan haram telah ditangkap oleh anggota polis.

LIVEWORKSHEETS

Soalan 15 dan 16

Pilih ayat yang **betul**.

15 **A** Dahlia membeli pen itu daripada kedai buku.

B Puan Mahira memberikan kuih keria pada jirannya.

C Farihan menerima surat dari kawannya yang tinggal di Sabah.

D Harlina membeli rantai kunci itu semasa bercuti di Pulau Langkawi.

16 I Encik Haikal membeli seutas cincin pintar di kedai itu.

II Cikgu Amri menggunakan sebatang cangkul untuk membuat batas.

III Puan Laili memasukkan empat biji karipap ke dalam bekas plastik itu.

IV Beberapa orang penduduk kampung mendirikan sekaki khemah di padang itu.

A I dan II

B II dan III

C III dan IV

D I dan IV

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Airin bijak mengurus perbelanjaannya. Dia akan mencatat rekod perbelanjaannya pada setiap bulan.

Airin meneliti rekod perbelanjaannya pada bulan Disember. Pada 13 Disember 2019, Airin membeli pensel warna yang berharga RM10.00. Dia juga membeli bekas pensel yang berharga RM8.00. Airin menggunakan wang tabungannya untuk membeli barang-barang tersebut.

Pada 20 Disember 2019, Airin menemani ibunya pergi ke pasar raya. Airin membeli bekas air yang berharga RM7.00. Airin membeli bekas air tersebut kerana bekas airnya yang lama hilang.

Pada 26 Disember 2019, Airin membeli sehelai selendang yang berharga RM12.00. Selendang itu akan dihadiahkan kepada kakaknya sempena ulang tahun kelahiran kakaknya. Airin juga membeli sebuah buku latihan Bahasa Inggeris kerana dia kurang mahir dalam mata pelajaran tersebut.

Kesimpulannya, Airin sentiasa mencatat perbelanjaannya. Airin menggunakan wang tabungannya untuk membeli barang-barang yang berguna dan diperlukannya sahaja.

TIP

Ayat ini menyatakan bahawa harga pensel warna yang dibeli oleh Airin ialah RM10.00.

17 Berapakah harga pensel warna yang dibeli oleh Airin?

A RM7.00

B RM8.00

C RM10.00

D RM12.00

LIVEWORKSHEETS

18 Apakah barang yang dibeli oleh Airin pada 20 Disember 2019?
- **A** Bekas air
- **B** Selendang
- **C** Buku latihan
- **D** Bekas pensel

19 Mengapakah Airin membeli buku latihan Bahasa Inggeris?
- **A** Buku latihan Bahasa Inggerisnya sudah hilang.
- **B** Airin kurang mahir dalam mata pelajaran tersebut.
- **C** Ibu Airin meminta Airin membeli buku latihan tersebut.
- **D** Airin membeli buku latihan tersebut untuk dihadiahkan kepada kakaknya.

20 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- **A** Airin membeli bekas pensel dengan menggunakan wang ibunya.
- **B** Airin hanya mencatat rekod perbelanjaannya pada bulan Disember.
- **C** Airin membeli sehelai selendang yang berharga RM8.00 untuk dihadiahkan kepada kakaknya.
- **D** Airin menggunakan wang tabungannya untuk membeli barang-barang yang berguna dan diperlukannya.

BAHAGIAN A TAMAT

LIVEWORKSHEETS

Soalan 21

(*a*) *Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah ini.*

supaya	bahawa	dan	untuk
kerana	apabila	dari	akan

(i) Hazamil sedang membaca maklumat tentang kraf tangan _____ Sabah itu.

(ii) Rania suka makan sayur _____ mengandungi vitamin dan serat.

(iii) Kakak Shi Qi menggunakan pisau dengan berhati-hati _____ tidak terkena jarinya.

(iv) Puan Chua memberitahu anaknya _____ tang yuan dibuat daripada beras pulut.

[4 *markah*]

TIP

Cara menjawab soalan
① Baca dan fahami ayat.
② Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

(*b*) *Nyatakan* **betul** *atau* **salah** *bagi ayat-ayat di bawah ini.*

Contoh:

Peserta pertandingan nyanyian itu hebat-hebat belaka. **betul**

(i) Wanita yang memakai baju songket itu bukan Cikgu Rabiah. _____

(ii) Lantaran hari hujan, murid-murid tidak dapat bermain bola di padang. _____

(iii) Banyak penduduk-penduduk hadir ke karnival kesenian itu. _____

[3 *markah*]

LIVEWORKSHEETS